

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA. PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA**  
**BELAS.**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK DR. EWON EBIN [ RANAU ]**

**TARIKH**

**: 15 MAC 2016 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK DR. EWON EBIN [ RANAU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sejumlah 'dana khas' untuk usahawan kaum minoriti negeri Sabah meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 sepertimana yang diperuntukkan kepada kaum India dan Cina dalam Keutamaan Ke-Lima (Langkah Satu) Bajet 2016 untuk disesuaikan dengan tema "Mensejahtera Kehidupan Rakyat" Bajet 2016.



**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR.**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping menawarkan Dana Pembiayaan bagi Penduduk Kampung Baru Cina berjumlah RM20 juta dan Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN) bagi Kaum India berjumlah RM50 juta pada tahun 2016, Kerajaan turut menawarkan Program Khas Anak Negeri Sabah berjumlah RM 10 juta yang antaranya untuk membangunkan usahawan kaum minoriti negeri Sabah.

Di samping itu, Kerajaan turut menawarkan dua (2) dana khas khusus berjumlah RM19.7 juta pada tahun 2016 untuk membangunkan usahawan Sabah, termasuk kaum minoriti negeri Sabah, seperti berikut:

- a) Program Dana Pembangunan Usahawan Sabah di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU); dan
- b) Program Pembangunan Premis Perniagaan di bawah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO).

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat juga pelbagai bentuk program keusahawanan dan peningkatan pendapatan berjumlah RM465 juta pada tahun 2016 turut ditawarkan kepada semua Bumiputera di Malaysia, termasuk kaum minoriti Sabah, antaranya seperti berikut:

- a) Program Pembiayaan Keusahawanan dan Program Premis Perniagaan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB);

- b) Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS);
- c) Program Pembangunan Keusahawanan MARA;
- d) Program Pembangunan Keusahawanan Belia MARA;
- e) Program Latihan Keusahawanan MARA;
- f) Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)- Bumiputera; dan
- g) Skim Anjakan Usahawan.

Kerajaan juga telah meluluskan pelbagai program pembangunan usahawan berjumlah RM266.71 juta pada tahun 2016 bagi semua lapisan masyarakat di Malaysia, antaranya seperti berikut:

- a) Program Peningkatan Kapasiti Dan Kapabiliti Kumpulan Khusus;
- b) Program Pembiayaan Ikhtiar;
- c) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK);
- d) Program *Rural Business Challenge* (RBC);
- e) Program Peningkatan Pendapatan (PPP); dan
- f) Program Azam Bandar.

Kerajaan Negeri Sabah amat dialu-alukan untuk memohon peruntukan di bawah program peningkatan pendapatan yang ditawarkan oleh kementerian/agensi yang berkaitan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan seterusnya meningkatkan taraf hidup.

Sekian, terima kasih.